

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATO' TUAN IBRAHIM TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

SOALAN NO. 346

Y.B. DATO' TUAN IBRAHIM TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan dan jumlah pinjaman yang masih belum dijelaskan dengan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2019, jumlah keseluruhan pinjaman melalui kemudahan pinjaman Kerajaan oleh 16 buah Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang masih belum dijelaskan kepada Kerajaan adalah berjumlah RM15.2 bilion. Perlu diingatkan bahawa kebanyakan syarikat ini adalah di bawah Kementerian yang lain daripada Kementerian Kewangan.

Perincian pinjaman yang belum dijelaskan oleh setiap syarikat sehingga 31 Oktober 2019 adalah seperti berikut :

Bil.	Nama Syarikat	Jumlah pinjaman belum dijelaskan (RM)
1	Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)	19,000,000.00
2	Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)	2,034,809,560.42
3	Cyberview Sdn Bhd	663,018,562.33
4	Felcra Berhad	2,403,709,739.21
5	Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK)	2,848,720,311.25
6	JKP Sdn Bhd	21,143,931.14
7	Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)	1,025,951,061.55
8	Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd (KMP)	211,357,302.64
9	Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV)	40,000,000.00
10	Malaysia Venture Capital Management Berhad (Mavcap)	546,685,742.86
11	Mimos Berhad	2,850,000.00
12	Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)	3,469,907,285.93
13	Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)	861,302,429.37
14	SRC International Sdn Bhd (SRC)	631,191,275.50

NO SOALAN : 346

15	Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)	223,400,000.00
16	UDA Holdings berhad	232,475,361.78

Secara prinsipnya, kemudahan pinjaman Kerajaan yang diberikan kepada syarikat-syarikat MKD adalah bagi memastikan "*going-concern*" syarikat-syarikat tersebut dan bukan berbentuk pinjaman komersial oleh institusi perbankan. Pinjaman ini juga diberikan setelah mengambilkira kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.